

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN
BIN YAAKUB [MACHANG]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penjelasan sebenar di sebalik cadangan untuk mewujudkan 1 skim perumahan khusus yang membolehkan warga China dan Hong Kong untuk membeli rumah di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman yang berhormat, Kerajaan Malaysia melalui program Malaysia My Second Home (MM2H) telah menyediakan satu inisiatif untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merancakkan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, harta tanah, pendidikan, perubatan dan automobil untuk memiliki kediaman.
2. Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) Suku Kedua Tahun 2019, terdapat 4,213 (12.8%) rumah mewah berharga RM1 juta ke atas dengan nilai RM8.3 bilion tidak terjual di negara ini. Sehubungan itu, bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang positif, Kementerian amat memandang serius permasalahan ini dan mencadangkan agar tindakan segera diambil bagi memastikan lambakan rumah mewah ini terjual dan secara tidak langsung dapat memulihkan kembali ekonomi negara.
3. Penjualan rumah mewah kepada warga asing melalui program MM2H dapat mengurangkan lambakan unit rumah mewah sedia ada serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara tidak langsung. China dan Hong Kong adalah contoh antara negara yang boleh disasarkan memandangkan harga purata harta tanah di negara tersebut adalah tinggi.
4. Selain itu, berdasarkan transaksi jual beli harta tanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC, sehingga kini (Jan - Jun 2019), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah dengan jumlah sebanyak 398 orang (0.4%), berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran harta tanah kediaman bagi warga asing masih terkawal

Sekian, terima kasih.